cuum/AA49/HM/12.08.2005/p: 56 (1).

UUM SUKAN SEBULAN

HM
12/08/05
56:1

SERAMAI 1,755 atlit dari 14 kolej kediaman Universiti Utara Malaysia (UUM) akan berentap dalam 13 acara pada Kejohanan Sukan Antara Kolej (SUKOL) universiti itu bermula Isnin ini hingga 16 September.

Empat belas kolej itu ialah Kolej Perwaja, MAS, Pernas, Petronas, Telekom, Misc, Proton, Bank Muamalat, TNB, EON, Guthrie, Yayasan Al Bukhari,Bukit Kachi 1 dan Bukit Kachi 2.

Acara yang akan dipertandingkan ialah futsal, ragbi, sepak takraw, dan bola jaring yang akan menjadi rebutan dalam kategori berpasukan setiap kolej.

Bagi kategori campuran pula ialah tenis, badminton, squasy dan ping pong.

Seterusnya bowling, bola keranjang, bola baling, hoki dan bola tampar adalah pertandingan yang bakal menyaksikan dua kategori iaitu lelaki dan perempuan.

Kejohanan yang dikelolakan oleh Kolej MISC itu adalah acara dwitahunan serta aktiviti wajib dalam kalendar UUM setiap tahun.

SUKOL satu langkah bagi merealisasikan matlamat UUM dalam memajukan sukan serta membantu Pusat Sukan dan Rekreasi (PUSUR) kampus itu untuk membentuk pasukan mantap.

Malah kejohanan itu juga menjadi pemangkin untuk UUM melahirkan atlit berwibawa sama ada di peringkat universiti mahupun kebangsaan seterusnya mengharum nama negara.

Kejohanan yang berlangsung selama sebulan itu bermula jam 4 petang hingga 12 malam pada hari kuliah manakala pada hari cuti bermula jam 8.30 pagi sehingga 7 malam.